

## Penyelidik UMS menang dua emas, satu perak dan satu gangsa MRC - IIE 2022

UB 29.10.2022 P.04



**KOTA KINABALU:** Para penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus menunjukkan pencapaian membanggakan apabila berjaya merangkul dua pingat emas,

**ALBUM:** Para penyelidik UMS mengambil gambar kenang-kenangan bersama pingat masing-masing.

satu perak dan satu gangsa dalam penyertaan *Malaysian Road Conference Invention & Innovation (MRC-IIE) 2022*, baru-baru ini.

Pingat emas pertama dimenangi melalui inovasi bertajuk *Recycled Plastic Compressed Paver Block* oleh kumpulan penyelidik yang diketuai Ts. Dr. Lillian Gungat.

Lillian turut meraih pen-

capaian berganda apabila sebuah lagi kumpulan penyelidik yang diketuainya dianugerahkan pingat gangsa melalui inovasi *Rubberised Sandstone Aggregate for Road Construction*.

Satu lagi pingat emas dimenangi kumpulan penyelidik yang diketuai Prof. Ir. Dr. Abdul Karim Mirasa.

Mereka mencipta inovasi

bertajuk *An Innovative Production Method of Interlocking Compressed Earth Brick System for Green Building Construction*.

Sementara itu, pingat selebihnya iaitu satu pingat perak dimenangi melalui inovasi bertajuk *Eco-Friendly Paver Block: Development of Concrete Eco-Paving Blocks using Crumb Rubber Granules*

*and Eco-Processed Pazzolan*.

Ia dihasilkan oleh kumpulan penyelidik yang diketuai Ir. Ts. Dr. Habib Musa Mohamad.

Berlangsung di World Trade Centre (WTC) Kuala Lumpur, kesemua penyertaan penyelidik UMS dikenaldikan Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan (PPIP).